

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang Akademik 1997/98**

APRIL 1998

BAT 413/3 - Pengurusan Perikanan

Masa : [3 jam]

Jawab **LIMA** daripada **ENAM** soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

...2/-

[BAT 413/3]

1. Jelaskan konsep 'menangkap ikan dengan terlampau' atau 'overfishing'. Apakah simptom dan sebab penangkapan dengan terlampau berlaku.

(20 markah)

2. Dalam satu kajian mengenai keberatan dan kepanjangan piawai ikan sebarau, *Hampala macrolepidota*, maklumat seperti yang dijadualkan di bawah telah diperolehi. Tetapkan pertalian di antara keberatan dan kepanjangan piawai untuk ikan ini. Terangkan jika pertumbuhan ikan ini adalah isometrik.

Kepanjangan Piawai (cm)	Keberatan (g)
9.5	15
12.0	35
13.3	55
15.5	82
18.0	142
25.5	320
35.5	850

(20 markah)

3. Huraikan perindustrian perikanan pukat jerut di Malaysia. Apakah cabaran yang dihadapi oleh perindustrian perikanan pukat jerut masa kini.

(20 markah)

.../3-

[BAT 413/3]

4. (i) Terangkan kadar serta merta kematian jumlah ("instantaneous total mortality rate") dalam bidang pengurusan perikanan. Apakah bezanya kadar serta merta kematian jumlah ini dengan kadar serta merta kematian perikanan. (10 markah)
- (ii) Seorang penyelidik telah membebaskan 100,000 ekor ikan kap, *Cyprinus carpio*, dalam satu kolam. Selepas satu tahun jumlah penangkapannya adalah hanya 67,000 ekor ikan. Apakah kadar kematian tahunan untuk ikan ini? Dengan menggunakan kadar serta merta ("instantaneous rate") anggarkan bilangan ikan yang berada dalam kolam itu selepas tempoh sembilan bulan. (10 markah)
5. Jelaskan semua langkah yang boleh diambil untuk mengurus perindustrian perikanan supaya penangkapan ikan dengan terlampau tidak berlaku. Bincangkan kegunaannya dalam perindustrian perikanan di Malaysia. (20 markah)
6. Huraikan perindustrian perikanan sungai di Malaysia. Apakah masalah dan cabaran yang dihadapi oleh perindustrian perikanan ini. (20 markah)

-oooOooo-